



THE
SARAWAK GOVERNMENT GAZETTE
PART II

Published by Authority

Vol. LXXVI

24th February, 2021

No. 22

Swk. L. N. 110

MAJLIS ISLAM SARAWAK ORDINANCE, 2001

FATWA ON THE NAMING OF ILLEGITIMATE CHILD

(Made under section 37)

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Majlis Islam Sarawak Ordinance, 2001 [*Cap. 41*], the Majlis Islam Sarawak, upon the concurrence of the Yang di-Pertua Negeri, has made the following Fatwa:

Citation and Commencement

1. This Fatwa may be cited as the **Fatwa on the Naming of Illegitimate Child**, and shall be deemed to have come into force on the 1st day of February, 2021.

Interpretation

2. In this *fatwa*, unless the contexts otherwise requires—

“illegitimate” in a relation to a child, means a child that is born out of wedlock and not a child born from a *syubhah* intercourse;

“*syubhah intercourse*” means intercourse performed on erroneous impression that the marriage was valid when in fact it was not valid (*fasid*) or

intercourse by mistake and includes any intercourse not punishable by *Had* in Islam;

“nasab/lineage” means descent based on lawful blood relationship;

“child” means a person that is not married under the age of eighteen years old.

Naming of Illegitimate Child

3.—(1) Illegitimate child that is born must be given the name of Abdullah, which means “servant of Allah”, after the said child’s name.

(2) If the man that caused the birth of the child is named Abdullah, the child should be named Abdul and followed by the name of ‘*al-Asma al-Husna*’ i.e. Abdul Rahman or Abdul Rahim after the said child’s name.

(3) Naming that is **ALLOWED** are as follows—

No.	EXAMPLE	
	Male	Female
1	Ahmad Bin <i>Abdullah</i>	Azizah Binti <i>Abdullah</i>
2	Ahmad Bin <i>Abdul Rahman</i> (The father’s name should be Abdul followed by the name of ‘ <i>al-Asma al-Husna</i> ’)	Azizah Binti <i>Abdul Rahman</i> (The father’s name should be Abdul followed by the name of ‘ <i>al-Asma al-Husna</i> ’)

Adoption of Illegitimate Child

4.—(1) Any illegitimate child that is adopted by any person should be given the name of Abdullah, which means “servant of Allah”, after the child’s name.

(2) If a man who adopts the said child is also named Abdullah, the said child should be named Abdul and followed by the name of ‘*al-Asma al-Husna*’ i.e. Abdul Rahman or Abdul Rahim after the child’s name.

(3) The name of the adoptive father or guardian or the father that caused the birth of the illegitimate child (or any other name which has the spelling that closely resembles its spelling) shall not be a part of adopted child’s name or the adopted

child's last name.

(4) Naming for adoption of illegitimate child are as follows—

<i>Matter</i>	<i>Male Name</i>	<i>Female Name</i>
Name of Child	Faiz	Tasnim
Name of Adoptive Father	Amir	Amir

Naming that is **ALLOWED** are as follows—

<i>No.</i>	<i>Male</i>	<i>Female</i>
1	Faiz Bin Abdullah	Tasnim Binti Abdullah

Naming that **NOT ALLOWED** are as follows—

<i>No.</i>	<i>Male</i>	<i>Female</i>
1	Faiz Amir	Tasnim Amir
2	Faiz Amir Abdullah	Tasnim Amir Abdullah
3	Faiz Amir Bin Abdullah	Tasnim Amir Binti Abdullah
4	Faiz Bin Amir Abdullah	Tasnim Binti Amir Abdullah
5	Faiz Bin Abdullah Amir	Tasnim Binti Abdullah Amir
6	Faiz Abdullah Bin Amir	Tasnim Abdullah Binti Amir
7	Amir Faiz Bin Abdullah	Amir Tasnim Binti Abdullah
8	Amir Faiz Abdullah	Amir Tasnim Abdullah

Conclusion

5. It is hoped that this fatwa can be used as a reference to all Muslims in resolving issues related to the naming of illegitimate children based on Islamic law.

Dated this 18th day of February, 2021.

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA
Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak

MIS/SLT/12/Jld. 14(13)

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

FATWA PENAMAAN ANAK TAK SAH TARAF
(Dibuat di bawah seksyen 37)

Pada menjalankan kuasa – kuasa yang diberikan kepada Majlis Islam Sarawak oleh seksyen 37 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [**Bab 41**], Majlis Islam Sarawak dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, telah mengeluarkan fatwa berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Fatwa ini bolehlah dinamakan **Fatwa Penamaan Anak Tak Sah Taraf** dan hendaklah berkuat kuasa pada 1 haribulan Februari 2021 .

Tafsiran

2. Dalam fatwa ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“*tak sah taraf*” berhubung dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan *syubhah*;

“*persetubuhan syubhah*” ertinya persetubuhan yang dilakukan di atas anggapan sah akad nikah tetapi sebenarnya akad itu tidak sah (*fasid*) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap dan termasuklah mana-mana persetubuhan yang tidak dihukum *Had* dalam Islam;

“*nasab*” ertinya keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah;

“*kanak-kanak*” ertinya seseorang yang belum berkahwin di bawah umur lapan belas tahun.

Penamaan Anak Tak Sah Taraf

3.—(1) Anak tak sah taraf yang lahir hendaklah di'bin' atau di'binti' kepada Abdullah yang bermaksud 'hamba Allah'.

(2) Jika lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tersebut bernama Abdullah, anak tersebut hendaklah di'bin' atau di'binti' kepada nama '*al-Asma al-Husna*' yang lain dengan menyertakan perkataan Abdul pada pangkal '*al-Asma al-Husna*' seperti Abdul Rahman atau Abdul Rahim.

(3) Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut —

Bil.	CONTOH PENAMAAN	
	Lelaki	Perempuan
1	Ahmad Bin <i>Abdullah</i>	Azizah Binti <i>Abdullah</i>
2	Ahmad Bin <i>Abdul Rahman</i> (Menggunakan nama-nama ' <i>al-Asma al-Husna</i> ' dengan berpangkalkan Abdul)	Azizah Binti <i>Abdul Rahman</i> (Menggunakan nama-nama ' <i>al-Asma al-Husna</i> ' dengan berpangkalkan Abdul)

Pengangkatan Anak Tak Sah Taraf

4.—(1) Anak tak sah taraf yang diangkat oleh mana-mana orang hendaklah di'bin' atau di'binti' kepada Abdullah yang bermaksud 'hamba Allah'.

(2) Jika lelaki yang mengangkat anak tersebut bernama Abdullah, anak tersebut hendaklah di'bin' atau di'binti' kepada nama '*al-Asma al-Husna*' yang lain dengan menyertakan perkataan Abdul pada pangkal '*al-Asma al-Husna*' seperti Abdul Rahman atau Abdul Rahim.

(3) Nama bapa angkat atau penjaga atau nama bapa yang menyebabkan kelahiran bagi anak tak sah taraf (atau apa-apa ejaan yang hampir sama dengan ejaan tersebut) tidak boleh menjadi sebahagian nama anak yang diangkat atau sebahagian nama 'bin' atau 'binti' nya.

(4) Penamaan bagi pengangkatan anak tak sah taraf seperti berikut —

<i>Perkara</i>	<i>Nama Lelaki</i>	<i>Nama Perempuan</i>
Nama kanak-kanak	Faiz	Tasnim
Nama bapa angkat	Amir	Amir

Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut —

<i>Bil.</i>	<i>Lelaki</i>	<i>Perempuan</i>
1	Faiz Bin Abdullah	Tasnim Binti Abdullah

Penamaan yang **TIDAK DIBENARKAN** adalah seperti berikut —

<i>Bil.</i>	<i>Lelaki</i>	<i>Perempuan</i>
1	Faiz Amir	Tasnim Amir
2	Faiz Amir Abdullah	Tasnim Amir Abdullah
3	Faiz Amir Bin Abdullah	Tasnim Amir Binti Abdullah
4	Faiz Bin Amir Abdullah	Tasnim Binti Amir Abdullah
5	Faiz Bin Abdullah Amir	Tasnim Binti Abdullah Amir
6	Faiz Abdullah Bin Amir	Tasnim Abdullah Binti Amir
7	Amir Faiz Bin Abdullah	Amir Tasnim Binti Abdullah
8	Amir Faiz Abdullah	Amir Tasnim Abdullah

Penutup

5. Adalah diharapkan fatwa ini dapat menjadi rujukan kepada seluruh umat Islam dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan penamaan anak tak sah taraf berdasarkan hukum Islam.

Bertarikh pada 18 haribulan Februari, 2021.

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA
Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak

MIS/SLT/12/Jld. 14(13)

SARAWAK LAWNET

SARAWAK LAWNET

